

Kongsi kemakmuran

Dasar Makmurkan Jiran pastikan masa depan rantau Asia mampan dan terjamin

KUALA LUMPUR

Malaysia mesti memperakui potensi menjalin hubungan strategik dengan jiran-jirannya menerusi Dasar Makmurkan Jiran yang menggalakkan konsep perkongsian kemakmuran, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam.

Pakatan strategik katanya, akan menjurus kepada masa depan tenaga baharu yang mampan dan terjamin untuk generasi akan datang.

"Perindustrian yang semakin pesat seperti di China, India dan Asia Tenggara akan memerlukan tenaga untuk meningkatkan pertumbuhan mereka," katanya ketika merasmikan Persidangan Minyak dan Gas Asia 2019 di sini.

Beliau berkata, dunia hari ini berhadapan dengan keimbangan yang semakin meningkat dalam pertumbuhan ekonomi global yang mampan selain munculnya cabaran kewangan, politik, sosial dan alam sekitar yang semakin meningkat.

"Walaupun kebergantungan kepada bahan api fosil dijangka kekal kukuh, Asia mengambil langkah besar menggunakan bahan bakar fosil kurang intensif karbon seperti gas asli," kata Dr Mahathir.

Menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA), penggunaan



FOTO: BERNAMA

Dr Mahathir ketika melawat ruang pameran pada Persidangan Minyak dan Gas Asia Ke-20 (AOGC 2019) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) semalam.

tenaga global pada 2018 meningkat hampir dua kali ganda daripada kadar pertumbuhan purata sejak 2010.

Dr Mahathir berkata, lebih banyak negara sedang mengejar kemakmuran dan kualiti hidup yang lebih baik.

"Oleh itu, syarikat-syarikat tenaga perlu menyesuaikan strategi dan amalan mereka untuk menyesuaikan dasar dan peraturan yang diterima pakai oleh negara-negara, seperti rangka kerja Matlamat Pembangunan Mampan Bangsa-bangsa Bersatu dan Perjanjian Paris ke atas sasaran pelepasan."

"Asia bagaimanapun, terus meletakkan kedudukannya sebagai pasaran dinamis dan cergas walaupun berhadapan cabaran seragam dari segi peningkatan permintaan tenaga, memperluas akses tenaga dan memenuhi komitmen tehadap iklim."

"Untuk membangunkan Asia, negara-negara di rantau ini perlu

meneroka pelbagai pilihan untuk meningkatkan kecekapan dan kemampuan tenaga dengan mempelbagaikan gabungan tenaga masing-masing," katanya.

Dr Mahathir berkata, industri minyak dan gas merupakan perniagaan kitaran kerana sejarah menunjukkan bahawa keupayaan bertindak balas dengan cepat dengan strategi sistematik dan seragam perlu untuk tempoh panjang.

"Timur Tengah sememangnya bergolak sejak dulu atau kerana kejayaan kuasa-kuasa Barat dan sekutu mereka dalam mempengaruhi perubahan rejim di rantau ini dan memaksa apa yang mereka didefinisikan sebagai demokrasi, diterima."

"Sama ada kita mengakui atau tidak, kemasukan tentera pada 2003 menggunakan demokrasi sebagai penyebabnya hanyalah penyamaran, suatu alasan untuk mengawal pengeluaran minyak di negara-negara ini," katanya. - Bernama